



LAPORAN TAHUNAN 2022



Jabatan Alam Sekitar
Negeri Sabah

LAPORAN TAHUNAN 2022

JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SABAH



Alamat Pejabat

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah
Aras 4, Blok A, Bangunan KPKPS,
Jalan UMS - Sulaman, Likas
88450, Kota Kinabalu
SABAH

Sila Hubungi :

Tel Pejabat : 088-488166
No Fax : 088-488177
www.doe.gov.my





04 DARI MEJA PENGARAH

05 PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

10 BAHAGIAN OPERASI

13 PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

16 PENGURUSAN ADUAN
PENCEMARAN ALAM SEKITAR

19 OPERASI MENCEGAH
PEMBAKARAN TERBUKA

27 UNIT PELESENAN



36 Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor

46 Pendakwaan & Tindakan Mahkamah

50 Bahagian Pembangunan

51 Program Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar

57 Kebenaran Bertulis dan Pemberitahuan Bertulis

63 Environmental Impact Assessment (EIA) & Input Pembangunan JAS

70 Penguatkuasaan EIA

77 Pengawasan Alam Sekitar

Dari Meja Pengarah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh dan Salam Sejahtera, Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi di atas izin dan limpah kurniaNya Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah (JAS) 2022 telah dapat diterbitkan. Laporan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Jabatan untuk menyebarkan maklumat mengenai pencapaian dan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh JAS Negeri Sabah sepanjang tahun 2022. Saya berharap laporan ini menepati aspirasi semua pihak dan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan serta membantu orang ramai memahami peranan JAS dalam penjagaan alam sekitar.

Tanggungjawab yang dipikul oleh JAS Negeri Sabah semakin mencabar selari dengan program tranformasi Kerajaan terutama sektor awam yang berpusatkan rakyat, tuntutan masyarakat ke atas penggunaan teknologi hijau dalam projek pembangunan dan kepesatan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi.

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah telah berjaya melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan di lapangan dan rondaan dari pelbagai unit telah giat dilaksanakan dan ianya telah menampakkan hasil yang positif di mana aktiviti pencemaran dapat dikurangkan.-

Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan kepada Agensi-Agensi Kerajaan di Peringkat Negeri dan Persekutuan, Pihak Swasta, Rakan Strategik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Sukarela yang begitu komited memberi kerjasama dan sokongan kepada Jabatan ini. Kepada warga kerja JAS Sabah, tahniah dan syabas diucapkan atas semangat dan dedikasi dalam menjayakan pelbagai program. Sesungguhnya keupayaan Jabatan dalam mewujudkan perkhidmatan yang berkualiti adalah bergantung kepada kakitangan yang berdedikasi yang sentiasa bersedia untuk mentransformasi diri dalam melaksanakan tugas. Akhir sekali saya mendoakan agar segala usaha kita diberkati Allah SWT dan mendapat rahmat dariNya.

“ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”



AMIRUL BIN ARIPIN

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah



JAS SABAH

2022

TEPAT, MESRA, BERKESAN

Mentadbir urus Jabatan
dengan penuh dedikasi dan
mesra pelanggan



MENTADBIR

KEPENTINGAN
JABATAN
KEUTAMAAN
KAMI





CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH

PENGAHAR C54
AMIRUL BIN ARIPIN
PENGARAH, GRED C54

FLORENCE KOSMAS
SETIAPUSAHA PEJABAT GRED N22

BAHAGIAN OPERASI
JOHN ANAK RAMPAI
KETUA PEN. PENGARAH GRED C52

UNIT ADUAN DAN PENGAWATKAWASAN LOJI KUMBUHARAN
RUSLINA DINIA
PEN. PENGARAH GRED C44

DICK JACKSING
PEN. PENGARAH GRED C32

STANLEY GUALIN
PEN. PENGARAH GRED C40

UNIT PYROT (ZONE 1)
JOANNES JOHNETOL JR
PEN. PENGARAH GRED C41

MASDALINA SIVARY
PEN. PENGARAH GRED C32

UNIT PYROT (ZONE 2)
KOSONG
PEN. PENGARAH C41

TABIUS JAWING
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C32

HARIF KAPLIN
PEN. PENGARAH KAWALAN JURUTERA GRED J429

UNIT UNIT/AG/REGASIS/ TUMBUHAN MINTAK
RUSDI BIN KERISIM
PEN. PENGARAH GRED C44

TABIUS JAWING
PEN. PENGARAH GRED C32

MUHAMMAD ADIB BARRA
PEN. PENGARAH JURUTERA GRED J429

UNIT PUNCA BERSEKUT
AMIRUL HADID
PEN. PENGARAH KAWALAN KAWALAN C38

EDAWATI @ LIANA ISMAIL
PEN. JURUTERA GRED J429

ROZLIE DIKAK
PEN. JURUTERA GRED J429

SHARIZAL KAMARUZZAMAN
PEN. JURUTERA GRED J429

UNIT PYROT (ZONE 3)
MELISSA JOSEPH
PEN. PENGARAH GRED C44

UNIT POKTA/PAK/ INPUT PEMBANGUNAN
MUHAMMAD MAHMUD
PEN. PENGARAH GRED C41

MOOR ADILLA SUIB
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C32

ROBERT LEE SUI KUI
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C29

UNIT POKTA/PAK/ PENGALASAN/ASET
CHAI HSIEH NEE
PEN. PENGARAH GRED C44

ADYUNA YAAKUB
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C29

AZIZAH JAFRI
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C29

HOLLY SAPMIT
PEN. PENGARAH JURUTERA GRED J429

MUHAMMAD FAUZI HANIFFA
PEN. PENGARAH JURUTERA GRED J429

UNIT POST ERA
SUFFIAN JUMHOMAMAD
PEN. PENGARAH GRED C44

SUGAMAH LAHMIN
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C32

MUHAMMAD FADZIL
PEN. JURUTERA GRED J429

UNIT KEMERAN BERTULUS/ PERBERKAITAN BERTULUS
ZULFIHATRIAH SUDDI
PEN. PENGARAH GRED C41

SAMSIAH GUTOK
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C32

MUHAMMAD UDIN
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED J429

UNIT KEMERAN
ANANG CHINA BIN DUDAHIN (U14)
PEN. PENGARAH GRED C44

NORMAN BIN KAL (U11)
PEN. PENGARAH GRED C44

UNIT PENDIDIKAN/ACTY/ PENGALASAN/ASET
CHAI HSIEH NEE
PEN. PENGARAH GRED C44

ADYUNA YAAKUB
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C29

AZIZAH JAFRI
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C29

HOLLY SAPMIT
PEN. PENGARAH JURUTERA GRED J429

MUHAMMAD FAUZI HANIFFA
PEN. PENGARAH JURUTERA GRED J429

UNIT KEMERAN
ANANG CHINA BIN DUDAHIN (U14)
PEN. PENGARAH GRED C44

NORMAN BIN KAL (U11)
PEN. PENGARAH GRED C44

RODEEY BIN HOKONG (U11)
PEN. PENGARAH GRED C44

UNIT POKTA/PAK/ INPUT PEMBANGUNAN
MUHAMMAD MAHMUD
PEN. PENGARAH GRED C41

MOOR ADILLA SUIB
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C32

ROBERT LEE SUI KUI
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C29

UNIT POKTA/PAK/ PENGALASAN/ASET
CHAI HSIEH NEE
PEN. PENGARAH GRED C44


ADYUNA YAAKUB
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C29

AZIZAH JAFRI
PEN. PENGARAH KAWALAN GRED C29

HOLLY SAPMIT
PEN. PENGARAH JURUTERA GRED J429

MUHAMMAD FAUZI HANIFFA
PEN. PENGARAH JURUTERA GRED J429

Carta 1.0 : Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah



Graf 1.0 : Gred penjawatan kakitangan di Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah.

2
KEKOSONGAN
2020

4
KEKOSONGAN
2021

4
KEKOSONGAN
2022

**PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG TAHUN 2022
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH**

YARAS BIN YUSUP
Pegawai Kawalan
Gred C 48

ZULFIFITRIAH BINTI SURDI
Pegawai Kawalan Alam Sekitar
Gred C 41

HAMIDAH BINTI SHAFIE
Penolong Pegawai Tadbir
Gred N 32

ZUNAIBI BIN PAIMAN
Penolong Jurutera
Gred JA 29

HARIF KAPLIN
Penolong Jurutera
Gred JA 29

FLORENCIA BINTI KOSMAS
Setiausaha Pejabat
Gred N 22

PEGAWAI LANTIKAN BARU

NUR SALWANA BT MOHMD HASSAN
Pegawai Kawalan
Gred C 41

PEGAWAI BERSARA

NOOR ADILLA BT SUIB
Penolong Pegawai Kawalan
Gred C 32

LAPORAN KEWANGAN

PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS B33 TAHUN 2022

Jumlah Peruntukan Diterima :
= RM 6,493,643.06

Jumlah Peruntukan Dibelanjakan :
= RM 6,588,443.06

Baki Peruntukan :
= RM 94,800.00

"Peratusan perbelanjaan mengurus B33 adalah sebanyak 101.40 % bagi sepanjang tahun 2022"

PERUNTUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN P33 TAHUN 2022

Jumlah Peruntukan Diterima :
= RM 300,993.00

Jumlah Peruntukan Dibelanjakan :
= RM 300,982.00

Baki Peruntukan :
= RM 11.00

"Peratusan perbelanjaan pembangunan P33 adalah sebanyak 99.9 % bagi sepanjang tahun 2022"

JAS SABAH

2022

DIMANA ADA KEMAHUAN
DISITU ADA JALAN

JOHN RAMPAI

Pelaksanaan Operasi secara menyeluruh dan telus tanpa mengira lelah di samping memberikan komitmen sepenuhnya kepada kepentingan awam.



OPERASI

TIMBALAN
PENGARAH
JAS SABAH



BAHAGIAN OPERASI

Jabatan Alam Sekitar Sabah bertanggungjawab untuk menguatkuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang antara lain bagi mengawal pencemaran alam sekitar. Berdasarkan rekod Jabatan, sejumlah 3617 premis yang jatuh di bawah tanggungjawab Jabatan. Premis-premis ini terbahagi kepada dua kategori utama iaitu Premis Yang Ditetapkan (Kilang Kelapa Sawit, Kilang Getah, Buangan Terjadual) dan Premis Yang Bukan Ditetapkan (industri dan bukan industri).

Pada tahun 2022, sebanyak 1504 buah premis telah dijadualkan untuk pemeriksaan melalui penguatkuasaan secara arah dan kawal (command and control) dan melalui kaedah desktop enforcement. Sasaran ini termasuklah premis-premis di bawah seliaan JAS Cawangan Sandakan, Tawau, dan Sipitang.

Jumlah lawatan penguatkuasaan yang dijalankan berjaya dilaksanakan terhadap 1308 iaitu 87% daripada jumlah sasaran pemeriksaan bagi tahun 2022. Bilangan ini meningkat sebanyak 20% daripada jumlah pemeriksaan melalui penguatkuasaan secara arah dan kawal (command and control) berbanding tahun sebelumnya.

Bagi Premis Yang Ditetapkan, sebanyak 17.6% daripada jumlah keseluruhan lawatan penguatkuasaan mencatatkan ketidakpatuhan yang melibatkan pelanggaran syarat-syarat lesen dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan seperti Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

BAHAGIAN OPERASI


Selain daripada itu, pihak Jabatan Alam Sekitar Sabah turut telah melaksanakan pelbagai operasi khas (Ops) sepanjang tahun 2022. Ops yang telah dijalankan termasuklah Ops Gempur yang dijalankan dalam frekuensi sekali sebulan, Ops Lembangan yang menyasarkan premis-premis yang menghasilkan efluen perindustrian dan kumbahan, Ops Hari Raya dan Ops Burung Hantu yang melibatkan pemantauan bersasar premis berpotensi untuk mencemar pada waktu malam.

27.5% daripada jumlah keseluruhan lawatan penguatkuasaan untuk kategori Premis Yang Bukan Ditetapkan tidak patuh dan majoriti ketidakpatuhan yang dicatatkan adalah melibatkan pelanggaran Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 iaitu sebanyak 62% dan diikuti dengan ketidakpatuhan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 adalah sebanyak 29%. Hanya 8% daripada ketidakpatuhan keseluruhan melibatkan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.


Jabatan Alam Sekitar Sabah memandang serius di atas ketidakpatuhan yang dilakukan oleh premis. Tindakan perundangan telah diambil ke atas semua premis yang gagal untuk mematuhi kehendak di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Notis Arahan di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling yang mana mengkehendaki pihak premis untuk menjalankan penambahbaikan ke atas ketidakpatuhan dan Notis Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang mengkehendaki pihak premis untuk mengemukakan maklumat juga telah dikeluarkan kepada premis yang tidak patuh. Selain daripada itu, kompaun turut ditawarkan kepada premis yang melanggar peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Pada tahun 2022 juga, Jabatan Alam Sekitar Sabah telah mengeluarkan tindakan penahanan operasi kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a) kepada lima premis yang bermasalah.

*John Rampai
Timbalan Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah*

PREMIS YANG DITETAPKAN




Carta 2.0: Carta pematuhan Premis Yang Ditetapkan mengikut pecahan kategori.




Carta 2.1: Carta pematuhan Premis Yang Ditetapkan mengikut pecahan premis.

PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN




Carta 2.2 : Carta pematuhan Premis Yang Bukan Ditetapkan mengikut pecahan kategori.




Carta 2.3 : Carta pematuhan Premis Yang Bukan Ditetapkan mengikut pecahan premis.

JENIS KESALAHAN



Carta 2.4 : Carta pai Jenis Kesalahan mengikut kategori premis.

PENGURUSAN ADUAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR




Carta 2.5 : Carta bilangan aduan mengikut tahun.

TAHUN	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
BILANGAN ADUAN	219	233	226	294	533	516	427	289

Jadual 2.0 : Jadual bilangan aduan mengikut tahun.

PENGURUSAN ADUAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR




Carta 2.6 : Carta perbandingan aduan pencemaran alam sekitar yang berada dalam bidang kuasa berbanding aduan di luar bidang kuasa mengikut tahun.

TAHUN	2017	2018	2019	2020	2021	2022
BIDANG KUASA	126	147	160	211	390	192
LUAR BIDANG KUASA	47	48	36	52	80	97

Jadual 2.1: Jadual perbandingan aduan pencemaran alam sekitar yang berada dalam bidang kuasa berbanding aduan di luar bidang kuasa mengikut tahun.

PENGURUSAN ADUAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR




Carta 2.7 : Carta perbandingan jumlah aduan pencemaran pembakaran terbuka dan lain-lain aduan yang diterima sepanjang tahun 2022.

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN TUMPAHAN MINYAK


Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan program-program penguatkuasaan terhadap aktiviti pembakaran terbuka yang membawa risiko kejadian jerebu setempat. Antara strategi dan tindakan awal yang diambil bagi mencegah berlakunya kejadian jerebu akibat aktiviti pembakaran terbuka adalah pemantauan dan penguatkuasaan melalui rondaan darat. Kawasan pemantauan pembakaran terbuka ditumpukan di kawasan yang mudah terbakar (fire prone area), kawasan yang berpotensi terbakar dan Kawasan yang sering berlaku pembakaran terbuka. Kawasan yang mudah terbakar (fire prone area) adalah seperti kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah.

Selain itu, unit ini bertindak menyiasat aduan awam ke atas aktiviti atau kegiatan pembakaran terbuka. Tahap kesedaran awam yang semakin bertambah baik menyebabkan bilangan aduan terutama dalam isu pembakaran terbuka bertambah. JAS juga turut memantau aktiviti pembakaran terbuka melalui maklumat titik panas yang dicerap oleh satelit. Hotspot (titik panas) yang dicerap melalui satelit NOAA 20 akan disiasat bagi menentukan sama ada berlaku pembakaran terbuka terutama melibatkan pembakaran hutan yang berskala besar. Sebanyak 109 kes aduan pembakaran terbuka diterima dan disiasat oleh JAS Sabah tahun 2022 seperti ditunjukkan di Rajah 1. Manakala bilangan keseluruhan titik panas yang diterima dan disiasat oleh JAS Sabah pada tahun 2022 ialah sebanyak 79 seperti ditunjukkan di Rajah 2. Terdapat pengurangan jumlah hotspot yang dilaporkan bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak 431. Hal ini disebabkan hanya hotspot yang mempunyai *High Confidence* yang dilaporkan dan perlu disiasat bermula tahun 2022.

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN TUMPAHAN MINYAK




Carta 3.0: Bilangan aduan pembakaran mengikut bulan yang diterima pada tahun 2022




Carta 3.1 : Bilangan titik panas / hotspot mengikut bulan yang dikenalpasti oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) di Singapura tahun 2022

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN TUMPAHAN MINYAK

Jenis punca aduan pembakaran terbuka dan lokasi titik panas bagi tahun 2022 adalah seperti dalam Rajah 3 dan Rajah 4.




Carta 3.2 : Jenis punca aduan pembakaran terbuka sepanjang tahun 2022.




Carta 3.3 : Lokasi titik panas dikesan pada tahun 2022

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN TUMPAHAN MINYAK

Bilangan aduan pembakaran terbuka dan bilangan titik panas mengikut tahun sejak 2015 hingga 2022 ditunjukkan dalam Rajah 5 dan Rajan 6 dibawah.



Carta 3.4 : Bilangan aduan pembakaran terbuka dari tahun 2015 – 2022.



Carta 3.5 : Graf bilangan titik panas dari tahun 2015 sehingga tahun 2022.

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN TUMPAHAN MINYAK

Salah satu program yang telah dibangunkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia sejak tahun 2010 bagi menangani kebakaran di kawasan tanah gambut yang dikenali Program Pengurusan dan Pencegahan Pembakaran Terbuka di Tanah Gambut yang Sering Terbakar. Beberapa program telah dilaksanakan di antara programnya ialah pembinaan telaga tiub dan check dam (empangan kecil) yang dibangunkan oleh penggerak projek seperti Jabatan Mineral dan Geosains dan Jabatan Perhutanan Negeri Sabah. Jadual 1 menunjukkan bilangan projek yang telah dibina dari tahun 2010 sehingga tahun 2022.

BIL	FASILITI	JUMLAH SEHINGGA 2022
1	TELAGA TIUB	13
2	PIEZOMETER	4
3	CHECK DAM	11
4	MENARA TINJAU	2
5	PAPAN TANDA	122

Jadual 3.1 : Projek Pencegahan Pembakaran Terbuka Tanah Gambut.

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN TUMPAHAN MINYAK

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 8 program Communication, Education And Public Awareness (CEPA) bagi larangan melakukan pembakaran terbuka berjaya dijalankan. Jadual 2 menunjukkan bilangan program CEPA yang telah dijalankan.

BIL	LOKASI	TARIKH PROGRAM
1	KG. TINOMPOK, TAMBUNAN	30.04.2022
2	KG. KIROKOT, TAMBUNAN	07.05.2022
3	KG. MAHSASOH, TENOM	26.06.2022
4	KG. LONG PASIA, SIPITANG	30.07.2022
5	KG. BONGKUD, RANAU	08.10.2022
6	KG. MUKIM BUNGA RAYA, KENINGAU	03.09.2022
7	FELDA SAHABAT, LAHAD DATU	26.10.2022
8	DAERAH BELURAN	22.10.2002

Jadual 3.2 : Bilangan program CEPA larangan melakukan pembakaran terbuka yang telah dijalankan pada tahun 2022.

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN TUMPAHAN MINYAK

Antara gambar-gambar aktiviti penyiasatan aduan pembakaran terbuka, aktiviti dan program unit sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:




Gambarajah 3.1 : Gambar aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2022 oleh unit Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka dan Tumpahan Minyak.

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN TUMPAHAN MINYAK

Unit ini juga ditugaskan untuk mengendalikan siasatan aduan tumpahan minyak marin. Selain menyiasat kes tumpahan minyak, Unit ini bertanggungjawab sebagai Sekretariat Jawatankuasa Operasi Negeri (JON) bagi Pelan Kontigensi Tumpahan Minyak Malaysia (MOSCoP) dan Ahli Jawatankuasa Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Negeri Sabah. PTPP Negeri Sabah adalah dibawah tanggungjawab Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS) dan JAS Sabah terlibat dalam memberi input menyediakan PTPP Negeri tersebut. Tiada kes tumpahan minyak bagi tahun 2022 dilaporkan di Sabah.

PELESENAN PREMIS KILANG KELAPA SAWIT

Kilang Kelapa Sawit (KKS) merupakan premis yang dikategorikan sebagai Premis Yang Ditetapkan dan berlesen di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk menduduki dan beroperasi. Bilangan KKS di negeri Sabah adalah paling tinggi di negara ini. Jumlah ini telah meningkat daripada 80 buah kilang pada tahun 2000 kepada 132 buah kilang pada tahun 2022 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.



Carta 4.0 : Jumlah kilang kelapa sawit di negeri Sabah pada tahun 2000 sehingga tahun 2022.

PELESENAN PREMIS KILANG KELAPA SAWIT


Kerajaan Negeri Sabah telah menetapkan pada tahun 2006 bahawa had pelepasan efluen KKS yang beroperasi di Negeri Sabah diperketatkan berbanding had di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 bagi mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar di negeri ini iaitu kepekatan bagi parameter Oksigen Biokimia (BOD) 3 hari tidak melebihi 20 mg/l dan tiada pelepasan terus efluen ke alurair. Susulan itu KKS di negeri Sabah telah menaiktaraf sistem pengolahan efluen untuk merawat efluen bagi mematuhi had yang ditetapkan di dalam lesen. KKS yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah yang melepaskan efluen secara ke alur air, pengairan tanah, kombinasi pengairan tanah dan kompos adalah di dalam kategori kaedah pelepasan efluen ke alur air. Manakala kategori pelepasan efluen ke atas tanah ialah KKS yang melepaskan efluen ke atas tanah, kombinasi pelepasan ke atas tanah dan kompos serta kombinasi pengairan tanah dan ke atas tanah. Kaedah pelepasan efluen secara kompos sepenuhnya dan kitar semula merupakan kaedah tanpa pelepasan. Maklumat kaedah pelupusan efluen dan bilangan kilang kelapa sawit yang menggunakan kaedah terbabit seperti di Rajah 2 di bawah.

KAEDAH PELEPASAN EFLUEN TAHUN 2021 / 2022		BILANGAN
Alur Air	Pengairan Tanah	99
	Pengairan Tanah & Kompos	23
	Alur Air	2
Atas Tanah	Atas Tanah	2
	Atas Tanah & Kompos	3
	Pengairan Tanah & Atas Tanah	1
Tanpa Pelepasan	Kompos	1
	Kitar Semula & Kompos	1
JUMLAH		132

Jadual 4.0 : Kaedah pelupusan efluen kilang kelapa sawit di negeri Sabah.

PELESENAN PREMIS KILANG GETAH MENTAH ASLI

Sebanyak 3 Kilang Getah Mentah Asli (KGAM) telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah. Maklumat KGAM di negeri Sabah dari tahun 2007 hingga tahun 2022 adalah seperti di Rajah 3 manakala kaedah pelupusan efluen bagi KGAM di negeri Sabah ialah seperti di Rajah 4.



Carta 4.1: Jumlah kilang getah di negeri Sabah pada tahun 2007 sehingga tahun 2022.



PELESENAN PREMIS BUANGAN TERJADUAL

Pada tahun 2022 sebanyak 21 lesen telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah kepada 9 buah syarikat bagi Premis Yang Ditetapkan untuk mengurus buangan terjadual seperti di Rajah 1. Jumlah penghasilan buangan terjadual di negeri Sabah pada tahun 2022 juga ditunjukkan pada Rajah 2.

DAERAH	NAMA PYDT BUANGAN TERJADUAL	JUMLAH LESEN	JENIS LESEN
KOTA KINABALU	Legenda Bumimas Sdn. Bhd.	3	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
			Kemudahan Pemerolehan Kembali Buangan Terjadual
	Sedafiat Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Rawatan Gelombang Mikro
	Pentas Flora (Sabah) Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
	Kualiti Alam Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual

DAERAH	NAMA PYDT BUANGAN TERJADUAL	JUMLAH LESEN	JENIS LESEN
KOTA KINABALU	NCT Forwarding & Shipping Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
	Redsoft Solutions Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa E-Waste
	E Concern (Borneo) Sdn. Bhd.	3	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
Kemudahan Pemerolehan Kembali Buangan Terjadual			
SANDAKAN	Wawasan Oil Recycle Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
TAWAU	JL Resource Technology	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Pemerolehan Kembali
	Sedafiat Sdn. Bhd. (Hospital Tawau)	1	Kemudahan Penunu Buangan Terjadual
JUMLAH	9 PREMIS		21

Jadual 4.2 : Bilangan lesen premis buangan terjadual di negeri Sabah pada tahun 2022.

BIL	KOD (SW)	KUANTITI (MT)
1	SW 101	0.5683
2	SW 102	771.5805
3	SW 103	28.8548
4	SW 104	294.7222
5	SW 109	54.2159
6	SW 110	773.4366
7	SW201	0.4110
8	SW 202	243.3130
9	SW 203	1.0460
10	SW 204	473.3039
11	SW 206	2.8377
12	SW 301	0.6922
13	SW 302	0.0439
14	SW 303	21.5772
15	SW305	32,708.3830

BIL	KOD (SW)	KUANTITI (MT)
16	SW 306	8,485.0585
17	SW 307	14.0475
18	SW 309	241.4246
19	SW 310	49.1380
20	SW 311	10,390.1814
21	SW 312	56.9800
22	SW 313	0.0010
23	SW 314	1.0000
24	SW 315	4.2850
25	SW 319	0.0100
26	SW 320	0.2805
27	SW 321	0.5130
28	SW 322	26.2881
29	SW 323	4.0808
30	SW 325	117.1656

BIL	KOD (SW)	KUANTITI (MT)
31	SW326	0.0450
32	SW 327	127.7080
33	SW 401	0.2080
34	SW402	0.1690
35	SW 403	19.3311
36	SW 404	4,807.4220
37	SW 405	13.7541
38	SW 406	8.7948
39	SW 408	223.4576
40	SW 409	1,527.3570
41	SW 410	1,398.8658
42	SW 411	13.0600
43	SW 414	0.3087
44	SW 416	71.1590

BIL	KOD (SW)	KUANTITI (MT)
45	SW 417	22.1420
46	SW 418	57.9202
47	SW 421	132.9152
48	SW 422	1,552.2512
49	SW 423	2.0390
50	SW 424	1.3505
51	SW 426	0.0285
52	SW 427	1,043.2360
53	SW 429	269.2035
54	SW 430	8.8939
55	SW 431	0.0025
56	SW 501	1,484.5300
	JUMLAH KESELURUHAN	67,551.5478

Jadual 4.3 : Kuantiti Buangan Terjadual mengikut jenis dalam Metrik Tan.

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

PENGUATKUASAAN KE ATAS KENDERAAN DIESEL

Dalam menjalankan penguatkuasaan ke atas kenderaan diesel, dua kaedah dilaksanakan iaitu operasi statik dan pemerhatian visual menggunakan kamera video/operasi catat.



Gambarajah 5.0 :

Ujian asap hitam dijalankan ke atas kenderaan Diesel semasa operasi statik dijalankan.



Gambarajah 5.1 :

Ujian asap hitam dijalankan ke atas kenderaan Diesel semasa operasi statik dijalankan.

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

OPERASI GERAK DAN OPERASI STATIK

Operasi gerak dan statik adalah operasi yang dijalankan bersama bersama agensi lain seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain agensi. Operasi ini tidak tertumpu kepada penguatkuasaan kawalan pelepasan asap hitam daripada kenderaan diesel sahaja, malah beberapa jenis penguatkuasaan kawalan pencemaran daripada kenderaan juga turut dijalankan seperti kawalan pencemaran bunyi bising daripada motorsikal dan kawalan pelepasan CO/HC daripada kenderaan petrol.



Gambarajah 5.2 & 5.3 :

Dua Agensi yang kerap terlibat bersama dalam operasi statik yang dikendalikan oleh JAS iaitu JPJ dan Polis Trafik.

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

OPS CATAT / KAMERA VIDEO


Operasi Catat (Ops Catat) / Video Kamera dilaksanakan oleh pegawai-pegawai JAS terutama di kawasan-kawasan bandar. Pegawai-pegawai ditugaskan di lokasi-lokasi strategik tertentu untuk mencatat nombor kenderaan dan merakam gambar kenderaan yang melepaskan asap hitam berlebihan.



Gambarajah 5.4 & 5.5 :
Sepanjang aktiviti operasi catat /
kamera video yang dijalankan.

STATUS JUMLAH OPERASI STATIK DAN OPERASI CATAT YANG DILAKSANAKAN


**PROGRAM OPERASI KAWALAN
PELEPASAN ASAP HITAM
KENDERAAN DIESEL
TAHUN 2022**



UNIT KENDERAAN BERMOTOR JAS NEGERI SABAH

Gambarajah 5.6 : Jadual program Operasi Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel Tahun 2022.

NOTIS ARAHAN SEKSYEN 48A, AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974



Gambarajah 5.7 : Status Notis Arahan yang telah dikeluarkan

Sebanyak 242 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dikeluarkan ke atas pemilik kenderaan berenjin diesel yang didapati melepaskan asap hitam berlebihan melalui operasi bersepadu statik, operasi catat ataupun melalui aduan orang awam. Pemilik kenderaan yang diberi Notis Arahan tersebut dikehendaki membawa kenderaan mereka untuk menjalani ujian pelepasan asap hitam oleh Jabatan Alam Sekitar dan jika gagal mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang.

PEMERIKSAAN KE ATAS KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL)



Gambarajah 5.8 :

Pegawai JAS sedang memerhati ujian ke atas kenderaan Diesel yang dijalankan oleh kakitangan PUSPAKOM

Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) ialah suatu kemudahan, tempat atau bengkel yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi menyediakan kemudahan menjalankan ujian pelepasan daripada kenderaan motor sama ada berenjin diesel atau petrol atau kedua-duanya sekali. KYDL dilengkapi dengan meter pengukuran asap yang berkenaan dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.



Gambarajah 5.9 :
Beberapa kenderaan yang sedang diuji dengan alat ujian asap hitam di PUSPAKOM

PROGRAM PEMERIKSAAN KE ATAS PENGENDALI BERKUMPULAN (FLEET OPERATOR)



Gambarajah 5.10 :

Beberapa kenderaan yang akan diuji untuk pematuhan lesen buangan terjadual dan juga mematuhi pelepasan asap hitam kenderaan berenjin Diesel sebagai Fleet operator.

Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) yang memiliki lebih 10 buah kenderaan berenjin diesel dikehendaki menyelenggara satu kemudahan diluluskan dan hendaklah menjalankan ujian pelepasan asap hitam ke atas kenderaan motornya secara berkala sebagaimana kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam (Kawalan Pelepasan dari Enjin Diesel) 1996. Lawatan penguatkuasaan ke Fleet Operator adalah bertujuan bagi mengawal pencemaran udara di peringkat punca.



Gambarajah 5.10 :
Beberapa kenderaan yang sedang diuji dengan alat ujian asap hitam di PUSPAKOM.

PENGUATKUASAAN PENGURUSAN REFRIGERAN

Pemeriksaan ini dijalankan ke atas mana-mana premis yang menyediakan pengurusan refrigeran dengan memastikan pengurusan refrigeran dikendalikan dengan baik dan pengendali adalah orang yang telah mendapat latihan yang telah diluluskan. Pada tahun 2022, tidak ada pemeriksaan dibuat ke atas premis yang terlibat dengan refrigeran.



Gambarajah 5.11 & 5.12 :
Pegawai JAS memberikan taklimat kepada pemilik premis dan melakukan ujian kandungan gas (refrigeran) yang terkandung dalam tong gas milik premis.

PENGUATKUASAAN PERATURAN 16

Pemeriksaan yang dijalankan ke atas mana-mana terminal pengangkutan awam (kenderaan berenjin diesel dan petrol) tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian (tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih dari 3 minit).

LAIN-LAIN PROGRAM KAWALAN KENDERAAN BERMOTOR




UNIT KENDERAAN BERMOTOR NEGERI SABAH

Gambarajah 5.13 : Peratus program yang telah dilaksanakan.

OPERASI BERSEPADU

Operasi dilaksanakan secara bersepadu bersama agensi lain seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain agensi. Tumpuan operasi adalah kepada kenderaan perdagangan. Walau bagaimanapun di Sabah ini jarang kenderaan petrol digunakan sebagai kenderaan perdagangan.



Gambarajah 5.14 :
Kenderaan berenjin petrol yang sedang menjalani ujian pelepasan asap (CO/HC) oleh pegawai JAS

Kebanyakannya kenderaan perdagangan adalah kenderaan berenjin diesel. Oleh itu operasi hanya tertumpu kepada kenderaan petrol awam dan motosikal sahaja. Parameter yang diuji bagi kenderaan petrol adalah karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) manakala bagi motosikal hanya karbon monoksida (CO) sahaja.



Gambarajah 5.15 :
Pegawai JAS sedang melakukan ujian pelepasan (CO/HC) dan diperhatikan oleh Pegawai Polis.

PENDAKWAAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

KERTAS SIASATAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah, melalui Unit Pendakwaan telah mengendalikan sejumlah 28 kertas siasatan untuk dikenakan tindakan mahkamah kerana ketidakpatuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Bagi tahun 2022, sebanyak 9 kertas siasatan telah dibuka dan 10 kertas siasatan telah didaftarkan ke mahkamah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8 kes telah selesai didakwa dengan 14 pertuduhan dikenakan kerana melakukan kesalahan di bawah AKAS 1974.

Daripada 8 kes yang telah selesai didakwa, 7 kes adalah melibatkan punca tetap yang terdiri daripada premis yang ditetapkan iaitu kilang kelapa sawit (5 kes), premis yang ditetapkan buangan terjadual (PYDT BT) (1 kes), kilang memproses makanan (1 kes). Terdapat 1 kes yang melibatkan punca bergerak iaitu motorsikal bagi kesalahan mengeluarkan bunyi bising melebihi had yang ditetapkan. Jumlah keseluruhan denda yang telah dikenakan oleh mahkamah bagi 8 kes pada tahun 2022 adalah sebanyak RM149,300.00.

PENDAKWAAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

Jenis Kesalahan	Seksyen/ Peraturan	Bilangan Kes / Kertas Siasatan	Bilangan Pertuduhan	SDenda (RM)
Tidak mematuhi syarat lesen	Seksyen 16(1) AKAS 1974	6	9	111,000.00
Membenarkan pelepasan bunyi bising dari motorsikal	Seksyen 23(1) AKAS 1974	1	1	300.00
Melepaskan efluen ke dalam perairan pendalaman melebihi had yang ditetapkan	PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009	1	4	38,000.00
Jumlah		8	14	149,300.00

Jadual 6.0: Pecahan kes-kes mahkamah yang telah selesai didakwa di mahkamah pada tahun 2022 dan jumlah denda dikenakan mengikut Seksyen kesalahan di bawah AKAS, 1974 :-

Tawaran Kompaun

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah, melalui Unit Pendakwaan telah mengendalikan sejumlah 25 kertas siasatan untuk dikenakan tindakan kompaun kerana ketidakpatuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Daripada 25 kertas siasatan mengkompaun tersebut, sebanyak 19 kertas siasatan mengkompaun telah diberikan izin mengkompaun oleh Timbalan Pendakwaraya dan baki 6 kertas siasatan mengkompaun masih dalam Tindakan Jabatan. Bagi tahun 2022, sebanyak 51 tawaran kompaun telah dikeluarkan kepada syarikat, premis atau pihak yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dengan nilai kompaun berjumlah RM90,900.00.

Jadual 6.1: Pecahan kompaun yang dikeluarkan mengikut peraturan kesalahan yang dikeluarkan pada tahun 2022:-

PPKAS (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987			PPKAS (Buangan Terjadual) 2005			PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009			PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. (Peraturan 11)			Seksyen 29A, AKAS 1974		
Peraturan	Bil. Komp.	Jumlah Kompaun (RM)	Peraturan	Bil. Komp.	Jumlah Kompaun (RM)	Peraturan	Bil. Komp.	Jumlah Kompaun (RM)	Bil. Komp.	Jumlah Kompaun (RM)	Bil. Komp.	Jumlah Kompaun (RM)	Bil. Komp.	Jumlah Kompaun (RM)
Per. 4 (1)	3	900.00	Per. 8(1)	2	4,000.00	Per.11(1)(b)	1	2,000.00	9	10,000.00	6	12,000.00		
			Per. 9(1)	1	2,000.00									
			Per. 9(4)	22	44,000.00									
			Per. 10(1)	4	8,000.00									
			Per. 10(2)	4	8,000.00									
JUMLAH	3	900.00	-	32	66,000.00	-	1	2,000.00	9	10,000.00	6	12,000.00		

PENDAKWAAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

Notis Arahan

Sepanjang tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah telah mengeluarkan sebanyak 246 notis arahan di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada pemunya premis kilang/industri di negeri ini kerana telah melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Notis arahan di bawah Seksyen 31 adalah bagi mengarahkan premis kilang/ industri mengambil langkah-langkah kawalan pencemaran yang sewajarnya dalam tempoh yang ditetapkan dan notis arahan di bawah Seksyen 37 pula mengarahkan premis kilang/industri mengemukakan maklumbalas berkaitan tindakan susulan yang telah diambil bagi mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan ke atas premis-premis terbabit.

